

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1985/86

SUP303: Pengurusan Pengeluaran

Tarikh: 10 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab soalan 1 dan 2. Pilih DUA soalan daripada soalan-soalan 3, 4, 5 dan 6.

1. (a) Bincangkan teknik-teknik kajian masa, anggaran teknikal dan persampelan kerja untuk mempertingkatkan lagi cara sesuatu kerja dijalankan.
- (b) Kenapa kita perlu membuat kajian terhadap sesuatu kerja?
- (c) Pengarah Perubatan Negeri Pulau Pinang menjalankan kajian selama satu minggu ke atas kakitangan makmal hospital dengan menggunakan kaedah persampelan kerja. Penemuan yang diperolehi menunjukkan kakitangan makmal bekerja 65 peratus daripada daya yang sepatut mereka tunjukkan. Enam puluh lima peratus ini telah diperincikan dan didapati dapat dibahagikannya kepada tiga komponen.
 - (1) Ujian cecair darah dilakukan = 30%
dimakmal kimia
 - (2) Ujian darah di dalam makmal = 25%
hematologi
 - (3) Ujian-ujian lain = 10%

65%
=====

Terdapat dua juruteknik di makmal kimia dan seorang di makmal hematologi. Dipenghujung kajian

...2/-

tersebut, pengarah juga telah mendapati kerja yang dilakukan menghasilkan 48 ujian cecair darah dan 32 ujian darah. Faktor perkadaran yang ditentukan ialah 90 peratus untuk ujian cecair darah dan 10% untuk ujian darah. Hospital membenarkan elaun peribadi, rihat dan kelambatan sebanyak 13%.

Berdasarkan maklumat ini, carikan masa standard untuk ujian cecair darah dan darah?.

2. (a) Andaikan anda seorang kontraktor binaan. Apakah perkara-perkara penting yang perlu diambil kira untuk mengurus bahan ini?
- (b) Perancangan inventori dapat dilakukan dengan mengguna kaedah kuantiti pesanan ekonomi (EOQ). Bincangkan kebaikan penggunaan kaedah EOQ.
- (c) Kadar penjualan buku bertajuk "Sayang-Sayang" ialah sebanyak 40 naskah sebulan dengan harga borong \$3.00 setiap satu naskah.

Kos memegang setahun = \$16,000

Purata nilai inventori = \$80,000

Kos memproses (setiap pesanan) = \$ 4,000

Dapatkan nilai EOQ. Beri sedikit komen tentang nilai yang diperolehi.

3. Dari masa ke semasa pasaran perabut dibanjiri dengan berbagai jenis atau bentuk perabut yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang berlainan. Dengan berpandukan matriks barangan - proses bincangkan pendekatan yang paling baik untuk pengeluaran perabut (pilih satu jenis perabut untuk dijadikan rujukan).
4. (a) Sejak akhir-akhir ini penduduk dunia sudah mulai sedar akan pentingnya meminum air yang bersih dan bebas dari segala macam ancaman pencemaran air. Sikap positif ini sangat wajar memandangkan tubuh badan kita mengandungi bahan-bahan organik dan bukan organik dan 70% daripada adalah air. Syarikat CMZ telah pun mengeluarkan sejenis penapis air berbentuk sebuah jar. Permintaan di negara-negara asing bertambah setiap tahun. Bagaimanakah anda dapat menasihati Syarikat CMZ supaya taraf keupayaan yang baik dapat dicapai.

...3/-

- (b) Bincangkan dua teknik untuk meramalkan perkembangan masa depan untuk membolehkan perancangan keupayaan dapat dilakukan dengan lebih teratur dan berkesan.
5. Pilih TIGA dan bincangkan dengan terperinci.
- (a) Analisa Kerja.
 - (b) Kelok Pembelajaran.
 - (c) Keupayaan Kilang
 - (d) Titik Pesanan Semula
 - (e) Masa Pusingan.
6. Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang meningkat maju di bidang industri berat dan kecil. Baru-baru ini Malaysia telah melancarkan kereta Proton Saga yang membanggakan. Walau bagaimanapun, pengeluaran kereta Proton Saga terpaksa dikawalkan memandangkan permintaan terhadap kereta secara amnya tidak memuaskan. Apakah strategi-strategi operasi yang anda boleh cadangkan untuk kemajuan kereta kita yang dibanggakan?

-ooo000ooo-

